

SEBAGAI sebahagian aktiviti Projek Penambahbaikan Stok Udang Galah dan Kempen Kesedaran Sungai Petagas, Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan satu Lawatan Pentadbiran Kampung Sungai Petagas ke institut berkenaan baru-baru ini.

Lawatan yang melibatkan 30 penduduk kampung itu telah disambut oleh Pengarah IPMB UMS, Prof. Dr. Saleem Mustafa.

Beliau dalam dalam ucapan aluannya berkata, objektif utama penganjuran lawatan itu adalah sebagai satu usaha IPMB untuk mengongsikan ilmu sambil memberi peluang kepada penduduk kampung untuk melihat lebih dekat teknik pengurusan serta peneranagan udang dan ikan di UMS.

"Ia juga sebagai usaha untuk memasyarakatkan ilmu selaras dengan saranan kerajaan kepada institusi pengajian tinggi untuk menggiatkan program pemindahan ilmu bersama komuniti," ujarnya lagi.

Beliau turut menyuarakan harapan agar Projek Komuniti Penambahbaikan Stok Udang Galah dan Kempen Kesedaran Sungai Petagas yang dijalankan dengan kerjasama Pejabat Daerah Putatan dapat membantu meningkatkan sosio-ekonomi penduduk kampung berkenaan selain menambah kesedaran mengenai kepentingan memulihara kebersihan sungai.

IPMB anjur Lawatan Pentadbiran Kg Sungai Petagas untuk kongsi ilmu

Sementara itu, ketua projek komuniti tersebut, Prof. Datin Seri Dr. Ann Anton ketika menyampaikan taklimatnya berkata; sebanyak 18,000 bibit udang telah dilepaskan ke Sungai Petagas sejak Projek

Komuniti Penambahbaikan Stok Udang Galah dan Kempen Kesedaran Sungai Petagas bermula pada April 2013.


Justeru, beliau menyeru agar semua ahli komuniti untuk

sama-sama berganding bahu bagi memastikan projek yang dirancang berjalan dengan lancar.

Pada lawatan itu, ahli rombongan turut melawat ke Akuarium serta Muzium Marin sebelum dibawa

mengelilingi seluruh kawasan UMS.

Turut hadir, Penolong Pegawai Daerah Putatan, Hassan Mahali mewakili Pegawai Daerah Putatan.



PENERANGAN... salah seorang kakitangan IPMB memberikan penerangan cara peneranagan udang.



UDANG... Peserta Lawatan Pentadbiran Kampung Sungai Petagas diberi penerangan oleh kakitangan IPMB.



UNTUK KENANGAN... Para peserta lawatan mengambil gambar kenang-kenangan bersama Pengarah IPMB, Prof Dr Saleem Mustafa (duduk tengah).



LAWAT... Peserta dibawa melawat sekitar IPMB.